

**PROGRAM 15 MINIT DAN PEMBELAJARAN BERKUMPULAN KE ARAH MENINGKATKAN  
TAHAP KEBERANIAN DAN KEYAKINAN PELAJAR MENJAWAB SOALAN  
SEWAKTU MATA PELAJARAN PERDAGANGAN**

Oleh

**Zurhana binti Md Saad**  
Sek. Men. Keb. Lubok Antu  
95900 Lubok Antu, Sri Aman.

**Abstrak**

*Artikel ini memaparkan satu kajian yang telah dilakukan ke atas 39 orang pelajar tingkatan 4A, Sekolah Menengah Kebangsaan Lubok Antu dalam meningkatkan tahap keberanian dan keyakinan pelajar menjawab soalan semasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Perdagangan. Untuk mendapat maklumat awal kajian, saya telah mengumpul data dengan menemu bual dan juga membuat pemerhatian ke atas pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Tindakan yang dilakukan adalah dengan melakukan program 15 minit menjawab soalan dan pembelajaran berkumpulan. Kedua-dua kaedah ini memberikan kesan positif kepada pelajar di mana mereka berani dan yakin untuk menjawab soalan yang dikemukakan.*

**LATAR BELAKANG**

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lubok Antu terletak kira-kira 83 kolimeter dari Sri Aman. Sekolah ini ditunjangi oleh seramai 56 orang tenaga pengajar. Jumlah kelas pula adalah sebanyak 28 buah yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Jumlah pelajar yang belajar di sekolah ini adalah seramai 972 orang. Sebahagian besar pelajar di sini tinggal di asrama. Kebanyakan pelajar sekolah ini datangnya dari keluarga petani. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang terdiri anak-anak guru dan kakitangan kerajaan.

**SIAPA SAYA?**

Nama saya Zurhana Md Saad. Saya berasal dari negeri Kedah. Pendidikan awal saya bermula di Sekolah Kebangsaan Tikam Batu dan menyambung pendidikan menengah di Sekolah Menengah Singkir, Sekolah Menengah Kota Kuala Muda dan Sekolah Menengah Ibrahim. Saya kemudian mendapat pendidikan ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan Pendidikan Perakaunan Universiti Utara Malaysia pada tahun 2002. Selepas tamat pengajian, pada tahun yang sama juga saya telah ditempatkan untuk berkhidmat di negeri Sarawak dan SMK Lubok Antu merupakan penempatan saya yang pertama. Kini hampir tiga tahun saya berkhidmat di sekolah ini.

**SITUASI SAYA**

Pada tahun 2005 ini, saya ditugaskan mengajar mata pelajaran Perdagangan bagi Tingkatan Empat. Sebanyak tiga kelas Tingkatan 4 iaitu 4 Sains 2, 4A dan 4B yang terdiri daripada 103 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Perdagangan. Saya telah memilih Tingkatan 4A sebagai subjek kajian saya. Pelajar tingkatan 4A ini terdiri daripada 19 orang lelaki dan 20 orang perempuan.

Semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) di bilik darjah, saya menghadapi situasi di mana kurangnya penglibatan pelajar sewaktu p&p Perdagangan dijalankan. Tiga minggu pertama saya mengajar perdagangan kelas 4A. Semasa itu, saya dapati para pelajar kurang menunjukkan minat untuk bergiat aktif dalam sesi soal jawab semasa p&p. Saya menemu bual beberapa orang pelajar.

Antara soalan sewaktu sesi temu bual dijalankan ialah :

1. Adakah kamu berminat mempelajari mata pelajaran perdagangan?
2. Mengapa kamu selalu senyap sahaja apabila cikgu menyoal kamu?
3. Adakah kamu tidak faham dengan soalan yang saya kemukakan ataupun apa yang telah diajar?
4. Kenapa kamu tidak suka menjawab soalan yang dikemukakan oleh saya?

Melalui pemerhatian yang dibuat pada 23 Mac 2005, saya dapati apabila saya menyebut nama pelajar yang dikehendaki menjawab soalan yang diajukan, kelihatan pelajar tersebut merasa terkejut dan takut dan kurang yakin dengan jawapan yang diberikan. Saya dapati juga daripada 39 orang pelajar, hanya 5 orang pelajar sahaja yang benar-benar mengambil bahagian dengan aktif semasa sesi soal jawab dan hanya 2 orang pelajar sahaja yang suka bertanya apabila tidak jelas tentang apa yang disampaikan oleh guru.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) mengenal pasti amalan proses p&p saya yang sesuai bagi membantu pelajar berani menjawab soalan yang dikemukakan;
- (b) meningkatkan keyakinan pelajar untuk menjawab soalan yang dikemukakan semasa proses p&p Perdagangan melalui program 15 minit; dan
- (c) meningkatkan keyakinan pelajar untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh pelajar dalam pembelajaran berkumpulan.

### **PERSOALAN KAJIAN**

1. Mengapakah pelajar tingkatan empat kurang melibatkan diri dalam sesi soal jawab semasa p&p di dalam kelas?
2. Adakah kaedah yang saya gunakan sebelum ini kurang menarik minat untuk menjawab soalan yang dikemukakan?
3. Apakah kaedah lain yang patut saya gunakan untuk membantu para pelajar mengatasi masalah tidak mahu menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru?

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik serta pelajar Tingkatan 4A yang mengambil mata pelajaran Perdagangan.

#### **Kaedah Mengumpul Data**

Dari segi kaedah mengumpul data, saya menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual dengan pelajar.

##### (a) Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan ke atas murid untuk melihat sikap serta amalan pelajar. Antara perkara yang diperhatikan ialah pelajar mengambil bahagian dengan aktif semasa sesi soal jawab p&p Perdagangan dan suka bertanya kalau tidak jelas tentang apa yang disampaikan oleh guru.

##### (b) Temubual dengan murid

Pada 1 April 2005 (Jumaat, 7.00 pagi) bertempat di kelas 4A, saya telah menemubual 5 orang pelajar yang terdiri daripada 3 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Lima orang pelajar ini terpilih untuk sesi temubual ini adalah kerana mereka merupakan pelajar yang agak lemah bagi mata pelajaran Perdagangan ini. Temubual saya dengan lima orang pelajar ini telah mendedahkan sebab-sebab pelajar tidak melibatkan diri apabila soal jawab dikemukakan oleh saya. Ada pelajar menyatakan dia tidak berani dan malu untuk menjawab dan ada pula yang menyatakan mereka kurang yakin dengan jawapan yang diberikan.

Melalui data-data yang telah dikumpulkan serta analisis yang dilakukan, saya mendapati murid saya mempunyai sikap tidak yakin dan berani dalam diri mereka. Masalah pelajar yang tidak berani dan kurang yakin untuk melibatkan diri mereka sewaktu sesi soal jawab p&p mata pelajaran Perdagangan ini telah mendorong saya untuk mengkaji tentang cara-cara yang berkesan untuk membantu pelajar meningkatkan tahap keberanian dan keyakinan mereka untuk menjawab soalan yang dikemukakan semasa p&p Perdagangan.

## TINDAKAN

Pada peringkat awalnya, saya telah melakukan refleksi ke atas amalan pengajaran saya sebelum ini. Apa yang dapat saya katakan saya hanya membiarkan pelajar tidak menjawab soalan yang dikemukakan malah saya yang akan memberikan jawapan yang disoal. Ini adalah disebabkan kerana saya ingin mengikut rancangan pengajaran yang telah dirancang. Ini kerana saya takut tidak sempat untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan.

Dalam usaha meningkatkan tahap keberanian dan keyakinan pelajar untuk menjawab soalan yang dikemukakan semasa p&p Perdagangan, saya telah merancang program 15 minit menjawab soalan dan pembelajaran berkumpulan.

### **Program 15 Minit Menjawab Soalan**

Dalam program ini, saya menitik beratkan penglibatan pelajar menjawab soalan. Pelajar dikehendaki memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar dan saya mahu setiap orang pelajar saya mesti menjawab soalan yang dikemukakan kepada mereka. Saya mahukan pelajar saya cuba menjawab soalan yang dikemukakan sama ada jawapan yang diberikan betul ataupun salah. Sekiranya jawapan yang diberikan salah, saya tidak marahkan mereka tetapi cuba meminta rakan-rakannya membantu untuk memberikan jawapan yang betul. Ini bertujuan supaya pelajar tersebut tidak merasa malu dan takut serta ingin mencuba untuk menjawab soalan pada kelas yang akan datang.

Pada 6 April 2004, program bimbingan 15 minit menjawab soalan diadakan. Soalan yang disoal berkaitan dengan sistem barter. Selesai saya mengajar topik ini, saya memperuntukkan masa selama 15 minit untuk soal jawab topik tersebut. Cara yang dilakukan oleh saya supaya setiap pelajar menjawab ialah pada mulanya saya bertanya soalan kepada 8 orang pelajar yang duduk di barisan hadapan. Soalan pertama saya ialah "*apakah yang dimaksudkan dengan sistem barter*" Dengan lambat, Edwin bangun menjawab "*sistem pertukaran barang cikgu*". Kemudian saya tanya pula kepada Luka, "*sistem pertukaran barang apa?*" Luka senyap dan tidak menjawab. Kemudian saya memintanya merujuk buku teks bagi mendapatkan jawapan. Barulah dia berani menyatakan maksud sistem barter dengan tepat. Soal seterusnya ialah nyatakan 4 masalah yang dihadapi dalam sistem barter. Untuk soalan ini saya meminta setiap pelajar hanya memberi satu jawapan sahaja dan pelajar boleh merujuk buku untuk menjawab. Walaupun merujuk buku teks, pelajar masih ragu-ragu dan takut untuk menyatakan jawapan. 4 orang pelajar tersebut dapat memberikan jawapan dengan betul dan saya meminta 2 orang pelajar yang seterusnya mereka menyatakan semula jawapan yang telah diberikan oleh 4 orang pelajar tersebut.

Kemudian pada 6 April 2005, sesi soal jawab telah dibuat oleh saya iaitu 15 minit sebelum topik baru diajar saya mengemukakan semula soalan yang disoal pada 6 April 2005 sebelum topik baru diajar tetapi kali ini pelajar yang disoal adalah 8 pelajar yang duduk dibarisan belakang. Daripada 8 orang ini hanya 4 orang sahaja yang nampak begitu yakin memberikan jawapan mereka tanpa merujuk buku teks. 4 orang pelajar lagi masih malu dan gementar untuk menjawab walaupun jawapan yang diberikan betul.

Seterusnya program ini diteruskan lagi pada 13 April 2005 dan topik pada kelas kali ini adalah topik dua iaitu Unsur Perdagangan. Untuk sesi p&p hari ini, saya cuba menyoal pelajar sewaktu saya mengajar bukan peruntukan masa 15 minit sebelum atau selepas kelas bermula. Selesai saya beri penerangan tentang perniagaan, dalam masa 15 minit saya menyoal pelajar dan saya terdengar ada pelajar yang menjawab secara perlahan dan tidak berani untuk bangun memberikan jawapannya. Saya pun cuba meminta pelajar tersebut bangun untuk memberikan jawapannya. Saya juga selitkan lagi beberapa soalan untuk dijawab oleh pelajar. Saya dapati ada sedikit keberanian dalam diri pelajar, contohnya mengangkat tangan untuk menjawab dan ada juga yang mengatakan, "*Aku! Cikgu Aku!*"

### **Pembelajaran Berkumpulan**

Pada 4 dan 6 Mei 2005, saya telah membahagikan kelas kepada 6 kumpulan kecil, di mana 3 kumpulan mempunyai 6 orang ahli dan 3 kumpulan lagi mempunyai 7 orang ahli. Setiap kumpulan diberikan sekeping kad manila dan marker pen. Kerja kumpulan ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama dan bantu membantu. Setiap kumpulan diberikan satu tajuk berkaitan peruncit besar-besaran. Tajuk yang diberikan adalah seperti berikut :

- Kumpulan 1: Maksud dan ciri-ciri pasar raya
- Kumpulan 2: Kebaikan dan keburukan pasar raya
- Kumpulan 3: Maksud dan ciri-ciri Gedung Aneka Jabatan
- Kumpulan 4: Kebaikan dan keburukan Gedung Aneka Jabatan
- Kumpulan 5: Maksud dan ciri-ciri kedai sejaras
- Kumpulan 6: Kebaikan dan keburukan kedai sejaras

Saya memperuntukkan 30 minit untuk pelajar menyelesaikan tugas yang diberikan. Setiap kumpulan diminta untuk memilih seorang ketua dan seorang pembentang untuk membentangkan hasil kerja mereka. Semasa sesi pembentangan, semua ahli kumpulan hendaklah tampil ke hadapan dan kumpulan yang lain menjadi pemerhati serta diwajibkan setiap kumpulan bertanyakan soalan kepada kumpulan yang membentangkan hasil kerja mereka

Berdasarkan aktiviti yang dilakukan saya dapati pelajar memang gembira dan yakin untuk membentangkan hasil kerja masing-masing tetapi sewaktu soal jawab dibuat oleh kumpulan pemerhati pelajar masih lagi takut dan ragu-ragu untuk menjawab soalan. Ini adalah kerana saya tidak membenarkan mereka melihat jawapan pada kad manila yang telah digunakan untuk pembentangan. Saya merasakan kaedah ini agak berkesan dilakukan ke atas pelajar saya sekiranya saya membenarkan mereka melihat jawapan pada kad manila tersebut.

### **REFLEKSI**

Daripada PT yang telah saya lakukan ke atas pelajar tingkatan 4A, saya merasakan hanya segelintir sahaja pelajar saya yang berani dan yakin untuk menjawab soalan yang dikemukakan di dalam kelas dan saya akan meneruskan tindakan selanjutnya dengan mengulang kembali kaedah pembelajaran berkumpulan. Ini kerana kegagalan kaedah ini mungkin disebabkan daripada kesilapan saya sendiri. Selain itu, hasil daripada p&p yang diperolehi dalam proses penyelidikan tindakan ini ialah saya perlu menggunakan pelbagai kaedah atau teknik penyoalan yang lebih berkesan dalam p&p di dalam kelas.

### **BIBLIOGRAFI**

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Sukatan Pelajaran Perdagangan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.